

03 NOV 1997

LEAD G15-Kenyataan

G15 MAHU IMF DAN BANK DUNIA KAWAL SELIA URUS NIAGA MATA WANG

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) hari ini menyatakan sokongan mereka kepada Malaysia dan menyeru Tabung Kewangan Antarabangsa serta Bank Dunia supaya mengkaji perkembangan di pasaran mata wang bagi mengawal selia dan memastikannya ia lebih telus.

Pemimpin-pemimpin G15 yang berkumpul di sini bagi sidang kemuncak ketujuh mereka memperkukuhkan lagi pendirian mereka dengan mengarahkan Menteri-menteri Kewangan, Gabenor bank pusat dan pihak berkuasa lain yang berkaitan di negara masing-masing untuk menimbangkan perkara itu dan membuat syor-syor yang perlu.

Ini merupakan sokongan multilateral yang pertama dalam perjuangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap penyangak mata wang.

Dalam kenyataan satu muka surat yang dikeluarkan di akhir mesyuarat pertama mereka, ketua-ketua negara dan ketua-ketua kerajaan perkumpulan Selatan itu menyatakan kebimbangan mereka terhadap perkembangan di pasaran kewangan dan modal antarabangsa sejak kebelakangan ini.

Mereka berkata beberapa negara termasuk beberapa anggota G15 menghadapi tekanan kerana spekulasi terhadap mata wang mereka walaupun asas-asas ekonomi mereka kukuh.

Sejak itu, ia merebak ke pasaran saham di rantau lain dan ini membuktikan bahawa tidak ada satu negarapun yang boleh dilindungi daripada kesan turun naik dalam pasaran kewangan.

Malaysia dan Indonesia merupakan antara negara Asia Tenggara yang paling teruk terjejas kerana kemelut mata wang itu.

Sidang kemuncak yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir dihadiri oleh sembilan pemimpin daripada perkumpulan 16 negara itu.

Di samping Dr Mahathir, pemimpin-pemimpin lain ialah Presiden Suharto dari Indonesia, Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, Presiden Hosni Mubarak dari Mesir, Presiden Alberto Fujimori dari Peru, Presiden Liamine Zeroual dari Algeria, Naib Presiden Argentina Dr Carlos Ruckauf, Naib Presiden India Krishan Kant dan Timbalan Perdana Menteri Jamaica Dr Seymour Mullings.

Pemimpin-pemimpin itu berkata di samping mengekalkan dasar-dasar kewangan dan fiskal yang mantap dan langkah-langkah sesuai untuk menangani keadaan sekarang, mereka juga menyatakan pentingnya kerjasama serantau dan antarabangsa dalam menguruskan krisis seperti itu di masa depan.

Kenyataan itu dibuat selepas pemimpin-pemimpin itu menyuarakan kebimbangan mereka akan kegiatan manipulasi mata wang semasa pembukaan sidang kemuncak itu pada pagi ini dan semasa sesi tertutup pada petang tadi.

Dr Mahathir memulakan perbincangan mengenai isu itu menerusi ucapannya pagi tadi. Sambil menyifatkan sistem urus niaga mata wang sekarang sebagai tidak beretika dan tidak adil kepada negara-negara yang menjadi sasaran serangan spekulator, beliau berkata sistem perdagangan secepat tidak boleh bergantung semata-mata kepada kuasa pasaran.

Masanya sudah tiba untuk mewujudkan peraturan yang adil, katanya.

Suharto, yang negaranya menjadi antara yang paling teruk mengalami krisis mata wang, menyeru negara-negara membangun bekerjasama untuk mendapatkan kaedah segera dan terbaik bagi menstabilkan pasaran kewangan.

"Turun naik yang keterlaluan dalam aliran kewangan antarabangsa dan urus niaga mata wang telah meranapkan kemajuan ekonomi dan sosial yang

dicapai oleh negara-negara membangun, kata beliau.

Indonesia telah menerima ikrar bantuan IMF antara US\$30 bilion dan US\$40 bilion, termasuk US\$1 bilion dari Malaysia, untuk membantunya memulihkan ekonominya.

Mubarak mencadangkan satu mesyuarat antara gabenor-gabenor bank pusat G15 dan pihak berkuasa pasaran kewangan sementara Fujimori pula mahukan satu mekanisme antarabangsa yang berkesan dalam menangani masalah ketidakstabilan dalam sistem kewangan.

Serangan manipulasi terhadap beberapa mata wang rantau ini bermula dengan baht Thailand pada Julai lepas.

Penurunan nilai mata wang bath turut menjejaskan nilai mata wang beberapa negara jiran lain apabila spekulator beralih ke ringgit Malaysia, peso Filipina, rupiah Indonesia dan dolar Singapura.

Kesan manipulasi itu merebak ke pasaran saham seluruh dunia yang menyebabkan kejatuhan pasaran saham di seluruh dunia minggu lepas.

-- BERNAMA

ARA TCL PR